

**Company Name** : Destini Berhad  
**Date** : 20 February 2020  
**Source** : Berita Harian

## Destini beli firma penyedia khidmat pelabuhan Indonesia

**Destini** Bhd memeterai perjanjian penjualan saham bersyarat untuk membeli penyedia perkhidmatan pelabuhan Indonesia di Kalimantan.

Ini akan membolehkan Destini mempelbagaikan aliran pendapatannya kepada penyediaan perkhidmatan berkaitan pelabuhan kepada syarikat perlombongan.

Destini, menerusi anak syarikat milik penuhnya, Destini Armada Pte Ltd (DAPL) bercadang membeli PT Muara Badak Perkasa (PT MBP) pada harga RM12 juta menerusi pengambilalihan 4,999 saham biasa, mewakili 99.9 peratus sahamnya daripada PT Berkah Sadaya Adikarya.

Pembelian ini menyaksikan pencairan kepentingan ekuiti Destini dalam DAPL kepada 45 peratus.

Destini dalam kenyataannya berkata, pembelian itu akan menyediakan aliran pendapatan mapan kepada DAPL, yang akhirnya mengukuhkan nilai pemegang saham.

"PT Berkah Sadaya Adikarya

akan muncul pemegang saham utama baharu DAPL," katanya.

PT MBP secara dasarnya terlibat dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan operasi pelabuhan kepada syarikat perlombongan di Kalimantan Timur.

Ketika ini, ia mempunyai kontrak jangka panjang berjumlah kira-kira RM490 juta.

Pertimbangan pembelian dibuat berdasarkan kesanggupan pembeli dan pembayar, selepas mengambil kira jaminan keuntungan S\$2.5 juta (RM7.5 juta) setahun kepada DAPL dalam tempoh dua tahun akan datang daripada penjual PT MBP.

Pembelian itu akan membolehkan DAPL dan Destini menembusi pasaran Indonesia, satu daripada ekonomi paling pesat berkembang di Asia.

PT MBP berada dalam kedudukan kukuh untuk berkembang melalui pertumbuhan aktiviti perlombongan di republik itu. Pembelian dijangka diselesaikan pada suku ketiga tahun ini.